

NO SOALAN : 288

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN N SURENDRAN A/L K NAGARAJAN
[PADANG SERAI]**

RUJUKAN : 10420

SOALAN :

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan tertuduh yang dijatuhkan hukuman mati di Mahkamah Tinggi di seluruh negara (tidak termasuk Mahkamah Rayuan dan Persekutuan) dari tempoh tahun 2007 hingga 2017 (10 tahun) mengikut jenis kesalahan, jantina dan kewarganegaraan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia dari 2007 hingga 10 November 2017, seramai 1,086 orang banduan telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah Tinggi dan telah dijatuhkan hukuman mati. Namun hukuman mati tersebut belum dilaksanakan kerana masih tertakluk kepada proses rayuan sama ada di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan atau Lembaga Pengampunan Negeri.

Daripada jumlah tersebut, 600 orang banduan merupakan warganegara Malaysia dan 486 orang banduan bukan warganegara di mana 955 dan 131 masing-masing lelaki dan wanita. Manakala daripada segi kesalahan, seramai 810 orang terlibat dengan pengedaran dadah, 263 orang membunuh, 11 orang memiliki senjata api dengan niat membunuh dan 2 orang menculik.